



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: KKM/KPK/1/SD 1 (17)

Tarikh: 22hb Ogos 2001

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 9/2001
PENUBUHAN JAWATANKUASA PERLAKSANAAN TELEKESIHATAN NEGERI
DAN PERLANTIKAN PENYELARAS TELEKONSULTASI NEGERI OLEH NEGERI-
NEGERI**

Dengan segala hormatnya, saya ingin merujuk kepada perkara di atas.


2. Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan berkenaan penubuhan Jawatankuasa Perlaksanaan Telekesihatan Negeri di setiap negeri. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan telekesihatan di negeri masing-masing.

3. Saya berharap agar dengan penubuhan jawatankuasa ini di peringkat negeri akan membantu melancarkan lagi pelaksanaan Projek Telekesihatan MSC-KKM.

Sekian terimakasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,


DATU DR. HJ. MOHAMAD TAHA B. ARIF
Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (P&ST)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

PENUBUHAN JAWATANKUASA PERLAKSANAAN TELEKESIHATAN NEGERI DAN PERLANTIKAN PENYELARAS TELEKONSULTASI NEGERI OLEH NEGERI-NEGERI

1 TUJUAN:

- 1.1 Surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan berkenaan penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Telekesihatan Negeri di setiap negeri. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan telekesihatan di negeri masing-masing.
- 1.2 Surat pekeliling ini juga memaklumkan berkenaan perlantikan seorang penyelaras bagi menyelaraskan perjalanan telekonsultasi di negeri masing-masing.

2 LATARBELAKANG

- 2.1 Di peringkat kebangsaan telah diwujudkan Jawatankuasa Pemandu Telekesihatan (Telehealth Steering Committee). Jawatankuasa ini bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Implementation Council Meeting (ICM) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
- 2.2 Disamping itu Jawatankuasa Pelaksanaan Telekesihatan (Telehealth Implementation Committee) telah diwujudkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah dan bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pemandu Telekesihatan. Peranan utama jawatankuasa ini ialah untuk membantu pelaksanaan Telekesihatan secara keseluruhannya. Peranan-peranannya yang lain ialah untuk mempromosikan perkhidmatan telekesihatan, memberi maklumbalas dari segi kesesuaian perkhidmatan, kesesuaian isi kandungan, kesesuaian komponen-komponen telekesihatan.
- 2.3 Buat masa ini, masih belum wujud satu jawatankuasa peringkat negeri yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan telekesihatan di negeri masing-masing. Oleh kerana itu Jawatankuasa Pelaksanaan Telekesihatan Negeri perlu ditubuhkan untuk melicinkan pelaksanaan telekesihatan di peringkat negeri.
- 2.4 Buat masa sekarang, segala aktiviti telekonsultasi dikendalikan dan diselaraskan terus daripada pusat iaitu oleh Unit Telekesihatan, Bahagian Perkembangan Perubatan. Penyelarasan ini masih kurang teratur dan memerlukan penyelarasan dan bantuan daripada seorang penyelaras di peringkat negeri. Pelaksanaan telekonsultasi juga melibatkan banyak hospital dan klinik Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Kerajaan Tempatan dan swasta. Oleh kerana itu seorang penyelaras telekonsultasi negeri diperlukan untuk menyelaraskan serta melicinkan pelaksanaan telekonsultasi di setiap negeri.

3 STRUKTUR JAWATANKUASA PERLAKSANAAN TELEKESIHATAN NEGERI

- 3.1 Pengerusi: Pengarah Kesihatan Negeri
- 3.2 Perlantikan Keanggotaan: Dilantik oleh Pengarah Kesihatan Negeri
- 3.3 Cadangan Keanggotaan Jawatankuasa
 - 3.3.1 Wakil dari bahagian perubatan
 - 3.3.2 Wakil dari bahagian kesihatan
 - 3.3.3 Wakil dari bahagian pergigian
 - 3.3.4 Wakil dari hospital-hospital
- 3.4 Wakil dari pejabat kesihatan daerah
- 3.5 Wakil dari hospital-hospital swasta
- 3.6 Wakil dari universiti (jika berkaitan)

4 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PERLAKSANAAN TELEKESIHATAN NEGERI:

- 4.1 Bertanggungjawab kepada pelaksanaan telekesihatan secara keseluruhan di peringkat negeri
- 4.2 Bertanggungjawab untuk menyesuaikan serta melaksanakan polisi telekesihatan di peringkat negeri.
- 4.3 Bertanggungjawab untuk mewujudkan serta memantau perkembangan jawatankuasa pelaksanaan telekesihatan di peringkat hospital dan daerah
- 4.4 Membantu untuk menyelaraskan aktiviti promosi telekesihatan di peringkat negeri
- 4.5 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti "Change Management" telekesihatan di peringkat negeri
- 4.6 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti latihan telekesihatan/IT di peringkat negeri
- 4.7 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti TeleCME di peringkat negeri
- 4.8 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti MCPHIE di peringkat negeri
- 4.9 Bertanggungjawab untuk melihat kembali proses kerja operasi yang sedia ada dan mengubah mengikut keadaan untuk memudahkan pelaksanaan telekesihatan di peringkat negeri
- 4.10 Bertanggungjawab mewujudkan seorang Penyelaras Telekonsultasi Negeri (Sila lihat di bawah untuk maklumat lanjut)

- 4.11 Bertanggungjawab untuk melihat kembali sistem rujukan yang sedia ada dan mengubah mengikut keadaan untuk memudahkan pelaksanaan telekesihatan di peringkat negeri
- 4.12 Bertanggungjawab untuk menaiktaraf fasiliti-fasiliti untuk memudahkan pelaksanaan telekesihatan (akses kepada teleCME dan MCPHIE)
- 4.13 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan a pelaksanaan telekonsultasi protokol (pentadbiran dan klinikal) untuk digunakan oleh kakitangan kesihatan/perubatan serta memastikan kakitangan mendapat latihan dalam penggunaan protokol tersebut
- 4.14 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan "Qualiti Assurance" di peringkat negeri
- 4.15 Bertanggungjawab untuk menyelaraskan "Telehealth Evaluation" di peringkat negeri

5 TANGGUNGJAWAB PENYELARAS TELEKONSULTASI NEGERI:

5.1 Protokol Pentadbiran

5.1.1 Menyelaras di dalam menghasilkan sistem rujukan dan rangkaian di antara semua institusi dan klinik untuk menghubungkan semua pembekal perkhidmatan kesihatan bagi menggunakan telekonsultasi. Menyelaras di dalam pembentukan sistem rujukan untuk kes yang akan dikendali secara telekonsultasi di antara kakitangan kesihatan primer, sekunder dan tertiar termasuk mereka di sektor swasta. Sistem tersebut patut mengandungi sistem yang dipersetujui oleh semua bagi prosedur rujukan dan ulangan.

5.1.2 Menyelaras di dalam mengkaji kembali serta mengubah proses kerja dalam bidang yang dikenalpasti untuk melicinkan pelaksanaan telekonsultasi. Menyelaras dalam mengkaji proses konvensional rundingcara sedia ada yang dijalankan secara manual ataupun rujukan supaya diserapkan telerundingan. Pembekal perkhidmatan kesihatan/ 'providers' ingin merujuk kes perlu diberi garis panduan yang bersesuaian berhubung cara dan masa yang sesuai untuk berbuat demikian. Protokol Pentadbiran / 'Management Protocol' perlu disediakan untuk memastikan komunikasi di antara kedua-dua pihak berjalan lancar. Menyelaras dalam membangunkan Protocol Pentadbiran untuk rujukan kes yang memerlukan jagaan kesihatan ataupun rawatan perubatan secara telekonsultasi dan masa rujukan juga perlu dibuat dan disediakan di semua peringkat perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk memastikan pengurusan kes secara berkesan dan bersesuaian.

5.1.3 Menyelaras dalam menggalakkan ahli-ahli pasukan rawatan yang terdiri daripada pelbagai disiplin, yang membekalkan rawatan di kediaman ataupun pusat penjagaan masyarakat, supaya berkerja di bawah satu ketua pasukan dan membekalkan rawatan dalam

lingkungan 'care plan'. Menyelaras dalam pendaftaran pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan di kediaman ataupun pusat penjagaan masyarakat.

5.1.4 Menyelaraskan supaya pengurus fasiliti terbabit dapat memuatkan perubahan yang diperlukan dalam proses pengurusan supaya protokol tersebut dapat digunakan secara berkesan.

5.1.5 Menyelaraskann dalam membantu pesakit-pesakit yang memohon pendapat pakar yang lain/ 'second opinion' supaya dapat memperoleh perkhidmatan tersebut.

5.2 Protokol Klinikal

5.2.1 Menyelaras kakitangan untuk mengenal pasti bidang rawatan di mana telekonsultasi boleh dipraktikkan.

5.2.2 Menyelaras di dalam penggunaan telekonsultasi untuk menambahkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan melalui pendekatan "multidisciplinary" di mana pendekatan tersebut adalah perlu.

5.2.3 Menyelaras di dalam mengkaji kembali "Care Plans" dan "Clinical Practice Guidelines" yang memberi penekanan ke atas penjagaan secara "multidisciplinary" untuk diserapkan penggunaan telekonsultasi di mana berpatutan. Menyelaras kegunaan 'critical pathways' dan 'work process' di semua fasiliti Kementerian Kesihatan.

5.2.4 Menyelaras dalam menggalakkan setiap disiplin penjagaan kesihatan professional dalam membangunkan 'critical pathway' masing-masing dan 'work process' untuk memastikan penjagaan kesihatan yang bermutu bagi digunakan dalam telekonsultasi. Menyelaras latihan untuk kakitangan - kakitangan kesihatan yang terlibat dengan telekonsultasi berhubung kegunaan protocol tersebut.

5.2.5 Menyelaras dalam pemberian kuasa/'empowerment' kepada pesakit-pesakit sendiri dan juga kakitangan yang terlibat dalam penjagaan kesihatan mereka melalui penggunaan perkhidmatan kemudahan telekonsultasi.

5.2.6 Menyelaraskankan pembangunan 'Elektronik Medical Records' untuk memasukkan data yang diperlukan dan parameter-parameter yang diperlukan bagi tujuan rujukan. Menyelaras dalam merekabentuk sistem elektronik dan manual bagi menyokong protocol, algorithm dan 'critical pathways'.

5.3 Pengendalian Aset

5.3.1 Menyelaras di dalam mengenalpasti kakitangan yang terlibat bertanggungjawab ke atas pelaksanaan telekonsultasi dan penjagaan alatan yang berkaitan di peringkat hospital atau daerah

5.4 Pembangunan Telekonsultasi Negeri

- 5.4.1 Menyelaras di dalam menaiktaraf dan mengubahsuai fasiliti untuk memasukkan kemudahan telekonsultasi di dalam bidang yang dikenalpasti. Kerja-kerja tersebut, boleh merangkumi kerja-kerja fizikal pengubahsuaian bilik, pemasangan alatan telekomunikasi dan lain-lain perkara yang berkaitan.
- 5.4.2 Menyelaras di dalam memasukkan perancangan infrastruktur telekonsultasi untuk semua fasiliti baru yang dirancang untuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Perancangan untuk lokasi tersebut perlu mengambil kira jenis perkhidmatan yang diberi oleh kakitangan.
- 5.4.3 Menyelaras dalam usaha menggalakkan pembekal perkhidmatan / 'providers' di fasiliti telekesihatan dan komunikasi untuk memajak/ 'lease', menyewa ataupun menjual peralatan berkaitan perubatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan jagaan dari kediaman masing-masing untuk tempoh berpanjangan/ 'long term care'. Pembekal-pembekal tersebut juga digalakkan untuk membekalkan fasiliti sedemikian pada kos yang berpatutan kepada fasiliti rawatan di peringkat masyarakat seperti di rumah penjagaan persendirian/ 'nursing homes' dan hospis (rumah yang dihuni orang uzur).

5.5 Promosi

- 5.5.1 Menyelaras di dalam menggalakkan semua pembekal perkhidmatan kesihatan/ 'care providers' termasuk Hospital Universiti, hospital dan klinik Angkatan Tentera serta hospital dan klinik swasta untuk memasang fasiliti telekonsultansi untuk mempromosikan rawatan yang berterusan dan tanpa sempadan.
- 5.5.2 Menyelaras di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menganjurkan mesyuarat dengan semua pembekal perkhidmatan kesihatan termasuk dengan mereka di Universiti, Angkatan tentera dan swasta untuk menyebarkan maklumat berkenaan kebaikan telekonsultasi bagi menggalakkan penggunaan yang lebih luas.
- 5.5.3 Menyelaras di dalam menggalakkan sektor swasta untuk melihat ke dalam sistem bayaran dan yang berkaitan untuk melicinkan dan menggalakkan penggunaan telekonsultasi oleh doktor serta kakitangan mereka yang lain.

5.6 Latihan

- 5.6.1 Menyelaras di dalam latihan telekonsultasi untuk semua kakitangan yang terlibat dalam telekesihatan

5.7 Kajian dan laporan

- 5.7.1 Menyelaras dalam melakukan kajian dan laporan penggunaan telekonsultasi di peringkat negeri